

**17/06/2014 - Sesi Townhall Tindakan Susulan Laporan Ketua Audit Negara
Tahun 2012 dan 2013 (Siri 1 dan Siri 2)**

Bismillaahirrahmaanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan

Salam “1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”.

**YB Senator Datuk Paul Low Seng Kuan,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri;**

**YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi bin Zainal,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;**

**YBhg. Tan Sri Abdul Gani Patail,
Peguam Negara;**

**YBhg. Tan Sri Ambrin bin Buang,
Ketua Audit Negara;**

**YBhg. Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar,
Ketua Polis Negara;**

**YBhg. Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed,
Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia;**

**Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi
Kerajaan;**

Ketua-ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus-pengurus Besar Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC's);

YBhg. Tan Sri - Tan Sri, Dato' Sri - Dato' Sri , Dato'- Dato', Datin - Datin dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan daripada pihak media yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan, Ketua-ketua Pegawai Eksekutif, Pengurus Besar Badan Berkanun, Syarikat Berkaitan Kerajaan yang berkenaan dan pihak media.

2. Seperti yang kita semua sedia maklum, setiap tahun, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi yang bertujuan menilai sejauh mana pelbagai aktiviti dan projek Kerajaan telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif asal program/aktiviti dan projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlakunya pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*. Pengauditan yang dilaksanakan merangkumi bidang pembinaan, penyenggaraan, penguatkuasaan undang-undang, perolehan, pengurusan aset, pengurusan hasil cukai, program peningkatan sosioekonomi, pertanian, infrastruktur, alam sekitar dan pengurusan syarikat.

3. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara yang telah memainkan peranan penting dalam menegur aktiviti-aktiviti Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri ke arah pembetulan dan penambahbaikan sama ada ia

melibatkan teguran berbentuk *corrective* yang memerlukan tindakan penambahbaikan peraturan, prosedur dan proses kerja atau pun teguran berbentuk *punitive* yang melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas.

4. Mulai tahun 2013, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri Tahun 2012 telah mula dibentangkan secara bersiri sebanyak 3 kali berbanding dengan tahun sebelumnya di mana Laporan Ketua Audit Negara hanya dibentang sekali setahun. (Pada tahun 2014, 2 siri pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 telah dibentangkan.) Langkah itu merupakan satu daripada empat inisiatif baharu di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2.0 di bawah Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) Membanteras Rasuah. Ia bertujuan supaya tindakan susulan dan penambahbaikan boleh diambil lebih cepat ke atas isu-isu yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara.
5. Satu lagi inisiatif di bawah NKRA tersebut ialah Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara atau pun lebih dikenali sebagai *Auditor General's Dashboard* yang telah dilancarkan pada 30 Mei 2013 dan dipaparkan di Laman Portal Jabatan Audit Negara (JAN) pada 31 Mei 2013 yang menunjukkan status tindakan yang diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi mengenai isu-isu Laporan Ketua Audit Negara terkini mulai tahun 2011. Melalui paparan susulan itu orang ramai boleh mengakses untuk mengetahui status tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara setiap tahun.
6. Di samping itu, bermula Mei 2014, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) juga telah memaparkan status tindakan susulan Laporan Ketua Audit Negara berhubung dengan pegawai dalam prosiding tindakan tatatertib dan pegawai yang telah dikenakan hukuman tatatertib.

TINDAKAN PROAKTIF KERAJAAN

7. Untuk makluman, bagi Laporan Ketua Audit Tahun 2011 dan sebelumnya, siasatan ke atas teguran yang bersifat *punitive* (tegaran melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan

tugas) dalam Laporan Ketua Audit Negara hanya dilaksanakan di peringkat dalaman oleh Kementerian (termasuk Jabatan dan Badan Berkanun di bawah Kementerian).

8. Bermula Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012, tindakan lebih tegas dan proaktif telah dilaksanakan oleh Kerajaan dengan menubuhkan Jawatankuasa Siasatan bertujuan untuk mempercepatkan proses siasatan ke atas teguran bersifat punitif yang melibatkan **121 kes penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas** sebaik sahaja pembentangan Laporan Ketua Audit Negara di Parlimen. Sehingga 13 Jun 2014, **sebanyak 99 kes telah selesai** diambil tindakan manakala baki **22 kes masih dalam peringkat siasatan** kementerian/negeri/SPRM/PDRM. Seramai **165 pegawai telah dimulakan prosiding tatatertib/surcaj**. Daripada jumlah tersebut, **77 pegawai telah diputuskan hukuman** oleh lembaga tatatertib berkenaan di mana **67 pegawai didapati bersalah** dan **10 pegawai didapati tidak bersalah**. Baki **88 pegawai lagi masih dalam prosiding tatatertib/ surcaj/ mahkamah**.
9. Tindakan ini diteruskan bagi Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 dan Siri 2 Tahun 2013, di mana Jawatankuasa Siasatan ditubuhkan untuk menyiasat teguran-teguran bersifat punitif sebelum Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Parlimen. Bagi memastikan siasatan yang lebih telus dan adil dilaksanakan, pegawai-pegawai kanan di luar kementerian yang disiasat dilantik menjadi anggota Jawatankuasa-jawatankuasa Siasatan ini.
10. Bagi **55 teguran** bersifat punitif dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 Tahun 2013 yang melibatkan Kementerian (termasuk Jabatan dan Badan Berkanun di bawah Kementerian berkaitan), tiada teguran yang memerlukan tindakan di peringkat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Sehingga 13 Jun 2014, **lapan (8) teguran** telah disyorkan untuk diambil tindakan tatatertib yang melibatkan 26 orang pegawai. Manakala **empat puluh satu (41) teguran telah didapati tiada asas kukuh** untuk diambil tindakan tatatertib memandangkan ia tidak melibatkan salahlaku sebaliknya berlaku berikutan kelemahan prosedur dan peraturan semasa. Manakala baki **enam (6) teguran** masih dalam proses siasatan oleh Jawatankuasa Siasatan.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA SIRI 2 TAHUN 2013

11. Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 telah dibentangkan di Parlimen pada 16 Jun 2014, terdapat **25 teguran** bersifat punitif yang melibatkan Kementerian (termasuk Jabatan dan Badan Berkanun di bawah Kementerian berkaitan) telah dibuat dalam.
12. Tindakan proaktif telah diambil di mana **sebelas (11) Jawatankuasa Siasatan telah ditubuhkan** sebelum pembentangan Parlimen bagi menyiasat teguran ini di sembilan (9) Kementerian (termasuk Jabatan dan Badan Berkanun di bawah kementerian berkaitan).
13. Siasatan ini bertujuan untuk memperoleh keterangan yang relevan dari aspek kesaksian dan keterlibatan pegawai dalam kes-kes yang dilaporkan. Sekiranya wujud asas kukuh bahawa pegawai didapati melakukan salah laku atau kecuaiian, maka tindakan tatatertib, surcaj atau pertuduhan jenayah di mahkamah akan dikenakan terhadap pegawai.
14. Sehingga 16 Jun 2014, berdasarkan hasil siasatan awal yang telah dijalankan, **sepuluh (10) teguran telah disyorkan untuk diambil tindakan tatatertib yang melibatkan 21 orang pegawai.**
15. Manakala lima belas **(15) teguran** didapati tiada unsur-unsur yang melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiian pelaksanaan tugas tetapi sebaliknya memerlukan penambahbaikan prosedur dan peraturan semasa. Walau bagaimanapun, kesemua 15 teguran tersebut akan diteliti lebih lanjut dengan melibatkan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Jabatan Peguam Negara dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bagi tujuan mengesahkan bahawa benar-benar tidak wujud penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiian pelaksanaan tugas.

HASIL TINDAKAN PROAKTIF KERAJAAN

16. Jelas, tindakan proaktif yang diambil oleh Kerajaan yang dinyatakan telah membuahkan hasil yang positif di mana tindakan segera telah diambil dalam menjalankan siasatan. Di samping itu, didapati terdapat penurunan teguran bersifat punitif yang dicatatkan dari Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 sehingga Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013. Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 (Siri 1 dan Siri 2) sebanyak **94 teguran bersifat punitif telah dilaporkan dan jumlah ini telah menurun kepada 80 teguran** bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 (Siri 1 dan Siri 2).
17. Selain itu, bagi teguran bersifat *corrective*, Ketua-ketua Setiausaha dan Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri telah diminta untuk mengambil tindakan penambahbaikan peraturan, prosedur dan proses kerja dengan segera selepas *exit conference* (iaitu mesyuarat bersama dengan Ketua-ketua Setiausaha untuk mendapatkan maklumat tambahan) dan *confirmatory letter* (iaitu butiran teguran audit untuk setiap kementerian).
18. Pendekatan ini telah membantu Kerajaan untuk mempercepatkan dan memantau tindakan pembetulan dan penambahbaikan oleh Kementerian / Jabatan terhadap teguran-teguran yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara serta mengambil tindakan ke atas teguran melibatkan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, salah laku atau kecuaiannya pelaksanaan tugas.
19. Seperti mana yang saya maklumkan, teguran Ketua Audit Negara yang bersifat *corrective* secara umum telah dan sedang diambil tindakan oleh Ketua Jabatan semasa *exit conference* dan *confirmatory letter*. Oleh itu, saya memohon kerjasama pihak media untuk membaca keseluruhan Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013 beserta maklumbalas yang dicatatkan supaya pelaporan dalam media lebih menyeluruh dengan mengambil kira tindakan penambahbaikan yang telah dibuat oleh kementerian.

SESI SOAL JAWAB

20. Bersama-sama saya di sini adalah semua Ketua Setiausaha dan Ketua Jabatan yang berkaitan yang akan menjawab persoalan-persoalan yang akan dibangkitkan (jika ada) berhubung dengan Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2013.

Sekian,

***WabillahiTaufikWalhidayah
Wabarakaatuh.***

Wassalaamualaikum

Warahmatullahi

Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Jabatan Perdana Menteri

17 JUN 2014
